UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

The 11th International, Invention, Innovation & Design 2022

INDES 2022

Ushering in the Age of Endemic

THE 11TH INTERNATIONAL INNOVATION, INVENTION & DESIGN COMPETITION INDES 2022

EXTENDED ABSTRACTS BOOK

e ISSN 2756-8733

9 772756 873009

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing in Publication Data

No e-ISSN: e-ISSN 2756-8733

Cover Design : Nazirul Mubin Mohd Nor
Typesetting : Wan Nurul Fatihah binti Wan Ismail

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

Wan Nurul Fatihah binti Wan Ismail

Editors

Nor Hazirah Mohd Fuat
Noor Fazzrienee J Z Nun Ramlan
Dr Nuramira Anuar
Dr Shazila Abdullah
Halimatussaadiah Iksan
Iza Faradiba Mohd Patel
Jeyamahla Veeravagu
Mahfuzah Rafek
Nor Nadia Raslee
Nurul Nadwa Ahmad Zaidi
Peter Francis
Zarinatun Ilyani Abdul Rahman
Zarlina Mohd Zamari

The 11th International Innovation, Invention and Design Competition 2022

Organised by

Office of Research, Industrial Linkages, Community & Alumni Networking (PJIM&A)
Universiti Teknologi MARA Perak Branch

and

Academy of Language Study
Universiti Teknologi MARA Perak Branch

REKA BENTUK POSTER KESEDARAN KESELAMATAN DENGAN GABUNGAN EMOJI POSITIF

Noorlida Daud, Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, Nurul Shima Taharuddin,
Roziani Mat Nashir@ Mohd Nasir

Universiti Teknologi MARA Kelantan Branch, Machang Campus

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus

Email: noor9164@uitm.edu.my

ABSTRAK

Bengkel dan makmal yang dilengkapi dengan peralatan serta mesin berbahaya adalah merupakan ruang kerja yang mempunyai risiko kemalangan yang tinggi. Bagi mengingatkan pengguna dengan peraturan serta cara kerja yang selamat di bengkel dan makmal, poster-poster peringatan dan peraturan berbentuk konvensional ditampal pada ruang tertentu bengkel dan makmal. Walau bagaimana pun, paparan poster konvenstional sedia ada ini masih lemah dalam menyampaikan mesej pesanannya kepada pengguna. Kesannya, kadar kemalangan semasa pengendalian kerja-kerja bengkel masih berada di tahap yang membimbangkan kerana pengguna masih belum sedar malah sentiasa terlupa dengan peraturan yang telah digariskan. Oleh itu, pendekatan baharu perlu dikenalpasti bagi mengurangkan kadar kemalangan di bengkel dan makmal. Reka bentuk poster peringatan seharusnya perlu dikaji dan ditambah baik agar kemalangan dalam kalangan pengguna bengkel dan makmal dapat dikurangkan. Visual positif seperti reka bentuk emoji senyum berupaya memujuk dan memberi kesan simulasi seronok apabila pengguna melihat paparan poster kesedaran keselamatan di bengkel. Pendekatan sebegini dijangka berpotensi membantu pengguna untuk mudah memahami, lebih peka dan tertarik untuk lebih kerap membaca isi kandungan poster berulang kali tanpa rasa jemu.

Kata Kunci: Emosi, emoji, poster

1. PENGENALAN

Bengkel kejuruteraan merupakan antara tempat yang berbahaya di institut pengajian kerana mempunyai rekod kemalangan yang tinggi dan memerlukan penekanan kepada aspek keselamatan (Misnan et al., 2011). Kesedaran mengenai keselamatan di bengkel tidak hanya tertumpu kepada individu sahaja malah ia turut melibatkan penggunaan peralatan, penggunaan mesin, persekitaran serta keselamatan individu lain yang turut berada di bengkel (Jamaludin, 2001). Kebanyakan kes kemalangan juga berpunca daripada sistem urusan keselamatan yang tidak berkesan dalam ruang kerja Selain itu, faktor kecuaian dan kelalaian turut menyumbang kepada penyebab berlakunya kemalangan di dalam bengkel (Jamaludin, 2001). Oleh itu, perlu suatu pendekatan yang lebih mesra dalam mengekang peningkatan kadar kemalangan di dalam makmal dan bengkel kerja samada di peringkat sekolah, institut dan juga industri.

Penambahan visual dalam poster kesedaran ternyata membantu dalam menyampaikan mesej kepada pembaca, ini dibuktikan dalam kajian yang telah dijalankan oleh Noorlida dan Ahmad

Zamzuri (2021) di mana poster kesedaran keselamatan yang digabungkan dengan emoji memberikan kesan emosi positif yang signifikan berbanding poster kesedaran dengan teks semata-mata. Penggunaan emoji tidak hanya terhad dalam komunikasi teks sahaja, malah ia turut digunakan sebagai komponen sokongan untuk digabungkan dengan iklan kesedaran bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat. Emoji yang digunakan berupaya memberi kesan positif dari segi emosi serta memujuk individu (Privitera et al., 2014). Emoji berperanan untuk mewakili ekspresi wajah tertentu secara lebih terperinci dalam komunikasi tidak bersemuka, contohnya seperti senyum, marah, gembira dan sebagainya (Walther & D'Addario, 2001). Ini kerana, tujuan utama emoji dibangunkan adalah untuk menambah baik komunikasi teks yang tidak berupaya menggambarkan ekspresi emosi (Golden, 2015). Emoji mampu menjelaskan dan memperbaiki kefahaman maksud sesebuah mesej teks dan mengelakkan salah faham dalam komunikasi tidak bersemuka (Tigwell & Flatla, 2016; Walter & D'Addario, 2001).

2. METODOLOGI

Susun atur dan kandungan yang terdapat pada poster serta papan tanda peringatan sedia ada di bengkel dan makmal dikaji. Perbandingan juga dibuat di antara paparan sedia ada ini dengan poster yang mempunyai susun atur reka bentuk terbaik. Berdasarkan kajian literatur, idea-idea baru susun atur reka bentuk poster kesedaran keselamatan dibangunkan. Pakar rujuk dari bidang yang berkaitan juga dirujuk bagi menilai dan memberi maklum balas dalam proses penambahbaikan penghasilan susun atur reka bentuk poster. Setelah itu, ia dicetak dengan saiz A1, ditampal di dinding ruang kerja dan dinilai oleh pengguna-pengguna yang mengendalikan kerja-kerja makmal dan bengkel samada memberi kesan atau tidak terhadap tahap kesedaran mereka. Setelah itu, penambahbaikan di peringkat seterusnya dijalankan bagi mendapatkan susun atur terbaik poster kesedaran keselamatan.

3. DAPATAN KAJIAN

Reka bentuk poster ini dijangka akan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan pengguna di dalam makmal dan bengkel. Penggunaan poster kesedaran keselamatan ini juga berpotensi menjadikan pengguna lebih berwaspada dan peka dengan tahap keselamatan mereka semasa mengendalikan kerja-kerja di makmal dan bengkel. Malah, penggunaan poster dengan gabungan emoji positif dijangka dapat memujuk dan meningkatkan kesan emosi positif pengguna. Di samping itu, kefahaman pengguna terhadap peraturan-peraturan makmal juga dapat ditingkatkan.

4. KESIMPULAN

Penghasilan susun atur reka bentuk poster kesedaran keselamatan yang tepat adalah penting dalam memudahkan penyampaian mesej yang jelas kepada pengguna. Penambahbaikan baharu seperti gabungan emoji positif pada paparan poster juga telah terbukti memberi kesan dalam meningkatkan kefahaman pengguna. Oleh itu, kedua-dua aspek susun atur dan visual seperti

ini adalah amat perlu dikaji, diteliti dan dihasilkan prototaipnya kerana kaedah dan pendekatan seperti ini ternyata mudah, murah dan memberi kesan terhadap kesan emosi pengguna.

RUJUKAN

Golden, L. (2015). Emoji History: The background, history, and future of the symbols that have taken over conversation all over the world. https://storify.com/lindsaygolden/emojis-history

Jamaludin, J. Z. (2001). *Amalan keselamatan bengkel di KUiTTHO: Satu kajian kes terhadap sikap pelajar kursus sarjana muda kejuruteraan awam*. (Unpublished Master's thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Misnan, S., Mohammed, A. H., & Dalib, A. R. (2011). *Pembangunan Budaya Keselamatan di Tempat Kerja*. UTM Press.

Noorlida Daud & Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (n.d.). Adakah reka bentuk emoji senyum dengan pelbagai tahap realistik pada poster bercetak memberi kesan yang signifikan dalam menstimulasi kesedaran pengguna?. *Idealogy Journal, (S.l.), 6* (2), 1 - 20.

Privitera, G., Philips, T. E., Misenheimer, M., & Paque, R. (2014). The effectiveness of 'emolabeling' to promote healthy food choices in children preschool through 5th grade. *International Journal of Child Health and Nutrion. 3*(1), 41-47. doi: 10.6000/1929-4247.2014.03.01.5

Tigwell, G. W., & Flatla, D. R. (2016). Oh that's what you meant!: Reducing emoji misunderstanding. In: *MobileHCI '16 Proceedings of the 18th International Conference on Human-Computer Interaction with Mobile Devices and Services Adjunct, MobileHCI 2016* (pp.859-866). Association for Computing Machinery.

Walther, J. B., & D' Addario, K. P. (2001). The impact of emoticons on message interpretation in computer-mediated communication. *Social Science Computer Review, 19*(3), 324-347. doi:10.1177/089443930101900307.

Pejabat Perpustakaan
Librarian Office

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Bandar Baru Seri Iskandar,
Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA
Tel: (+605) 374 2093/2453 Faks: (+605) 374 2299

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 20 Januari 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK
TERIMA
25 JAN 2023
Tindakan
Universiti Teknologi MARA Perak
PEJABAT REKTOR

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR